

Anjakan



Buletin Bulanan Tranformasi Kementerian Pendidikan Malaysia

Mei 2014

Dari Meja Pengarang

Selamat Hari Guru diucapkan kepada semua warga pendidik. Anjakan keluaran kali ini menyentuh tentang aspirasi sistem yang kedua iaitu ekuiti. Aspek ekuiti khususnya dalam usaha merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar, telah dinyatakan dengan jelas dalam Laporan Pendidikan 2000 – 2010 dan seterusnya dijadikan satu agenda penting Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah menetapkan pengurangan sebanyak 50 peratus jurang pendidikan bandar dan luar bandar. Dalam mencorakkan agenda pendidikan berkualiti secara menyeluruh, kesemua sekolah tanpa mengira latar belakang lokasi seharusnya mendapat akses kepada pendidikan agar semua murid menimba ilmu yang sebaiknya demi masa depan mereka. Justeru, Anjakan kali ini menyorot usaha Transformasi Pendidikan Sekolah Pendalaman.

Ketua Editor



YAB Tan Sri Dato' Seri Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin

Timbalan Perdana Menteri Malaysia
merangkap Menteri Pendidikan Malaysia

“Pembangunan generasi yang cemerlang, berilmu pengetahuan, berkemahiran dan memiliki sahsiah yang tinggi merupakan agenda penting negara. Oleh kerana itu, Kerajaan tidak hanya menumpukan kepada kelompok tertentu sahaja, tetapi merangkumi seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, etnik, agama dan bangsa.”

ISU BULAN INI

1. Tranformasi Pendidikan Sekolah Pendalaman
2. Wacana Intelek PPPM 2013-2025
3. Sambutan Hari Guru

ANJAKAN 1



MENYEDIAKAN KESAMARATAAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI BERTARAF ANTARABANGSA

- Menanda aras pembelajaran bahasa, Matematik dan Sains dengan standard antarabangsa
- Melancarkan semakan semula kurikulum sekolah rendah (KSSR) dan kurikulum baharu sekolah menengah (KSSM) pada 2017
- Memperluas akses dan meningkatkan kualiti laluan pendidikan, bermula dengan pendidikan vokasional
- Meningkatkan pelaburan dalam sumber fizikal dan sumber pengajaran untuk murid keperluan khusus
- Meningkatkan kualiti prasekolah dan menggalakkan enrolmen sejagat menjelang 2020



Pendidikan Luar Bandar Tidak Terabai

Selari dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid tanpa mengira lokasi dan latar belakang ekonomi, Kementerian telah memberi perhatian khusus kepada pendidikan di sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman. Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak merupakan satu strategi untuk merapatkan jurang pendidikan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik, budaya dan sosio-ekonomi khusus bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Keadaan geografi dan bentuk muka bumi di Sabah dan Sarawak menyukarkan pembangunan infrastruktur di sekolah menyebabkan Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal sekolah. Dalam masa yang sama kebajikan guru yang tinggal di kawasan pedalaman tidak diabaikan dalam usaha Kementerian menyediakan pendidikan yang terbaik kepada semua murid.

7 Teras Tranformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak

- Meningkatkan kualiti kepimpinan dan kemahiran mengurus di semua peringkat JPN, PPD dan Sekolah.
- Memberikan tumpuan kepada isu yang berkaitan kurikulum, penyusunan pengajaran, pendekatan pedagogi dan penilaian pengajaran.
- Meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal, akses internet dan persekitaran pembelajaran maya.
- Semua murid boleh belajar dan semua murid boleh berjaya. Semua murid boleh mendapat ilmu pengetahuan, boleh berfikir, memimpin, mengamalkan etika dan kerohanian, kemahiran berbahasa serta mempunyai identiti nasional.
- Meningkatkan guru bertaraf dunia. Perkembangan profesional, laluan kerjaya yang baik. Guru berkemampuan mampu menjana transformasi serta mempunyai sahsiah keagungan.
- Meningkatkan kemudahan asrama yang kondusif serta terapeutik.
- Membentuk jaringan yang harmonis dengan masyarakat setempat dan rakan sinergi.

Jika ada sebarang cadangan dan maklumat berkaitan PPPM, hantarkan kepada kami.

PADU | Education Performance and Delivery Unit

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan

Aras 3, Block E9, Kompleks E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya

Email : info@padu.edu.my ; Tel : 03-88721605

Fakta

4% daripada semua murid sekolah rendah dan menengah adalah murid kumpulan perbumi dan minoriti seperti Orang Asli, Penan, peribumi Sabah dan peribumi Sarawak

68% daripada murid dari kumpulan minoriti tinggal di luarbandar dan

80% tinggal di Sabah dan Sarawak



Guru dari semenanjung telah berkhidmat di sekolah SMK Banggi sejak 13 tahun yang lalu

Guru Sekolah SMK Banggi, Kudat, Sabah yang sempat ditemui menyatakan hasratnya untuk mencurahkan bakti lebih lama di sekolah ini. “Meskipun sekolah ini jauh, kami tidak melihat perkara ini sebagai satu bebanan tetapi ia memberi pengalaman yang lebih bermakna”.

Walau bagaimana, beliau berpendapat Kementerian harus memberi tumpuan yang lebih kepada sekolah pedalaman khususnya dalam membaiki infrastruktur sekolah.

“Pengetua memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat terkini daripada Kementerian “

Cadangan Sekolah K9 : SK Sabur, Pulau Banggi

SK Sabur, Pulau Banggi, Kudat, Sabah telah disenaraikan untuk melaksanakan kurikulum K9 mulai 2015. Sekolah K9 merupakan sekolah yang akan melaksanakan kurikulum bermula daripada Tahun 1 hingga ke Tingkatan 3 di sekolah yang sama. Sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah daripada 13 sekolah rendah di Pulau Banggi, Perjalanan ke SK Sabur mengambil masa kira-kira 2 jam dengan perkhidmatan feri ke jeti Pulau Banggi dan hampir 2 jam lagi perjalanan dengan bot persendirian ke sekolah tersebut.



Dato' Hj Sufa'at bin Tumin, Timbalan Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi) meluangkan masa berjumpa dengan murid-murid SK Sabur serta ibu bapa yang hadir semasa lawatan beliau ke Kudat, Sabah

Dalam kesempatan mengadakan lawatan kerja di Kudat, Sabah, Dato' Hj Sufa'at bin Tumin, Timbalan Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi) telah sempat meninjau SK Sabur, secara lebih dekat bagi melihat situasi sekolah ke arah pelaksanaan K9. Perjumpaan bersama-sama ibu bapa telah diadakan untuk mendengar isu-isu yang ditimbulkan oleh ibu bapa bagi dibincangkan di peringkat Kementerian.

Fakta

Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) merupakan satu daripada inisiatif untuk meningkatkan akses dan keberhasilan murid kumpulan pribumi dan minoriti. Objektif utama K9 adalah untuk mengurangkan kadar keciciran murid Tahun 6 ke Tingkatan 1. Program ini dirintis pada 2007 dan pada masa ini terdapat lima buah sekolah K9.

- SK Bandar 2, Pekan, Pahang (mula beroperasi 2008)
- SK Long Bedian, Baram, Sarawak (mula beroperasi 2012)
- SK Betau, Kuala Lipis, Pahang (mula beroperasi 2013)
- SK RPS Kemar, Gerik, Perak (mula beroperasi 2013)
- SK RPS Banun, Gerik, Perak (mula beroperasi 2013)

Suatu Penghargaan Seribu Cabaran

Hari Guru telah disambut saban tahun bagi meraikan jasa dan pengorbanan para guru dalam melahirkan modal insan negara. Hari Guru telah disambut disambut dengan meriah. Beberapa kejayaan dan kecemerlangan yang ditunjukkan oleh para guru telah diselitkan dalam ucapan Hari Guru oleh Tan Sri Dato' Seri Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan yang merasmikan Hari Guru peringkat Kebangsaan pada 16 Mei 2014 di PWTC.



YAB Tan Sri Dato' Seri Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin teruja apabila beliau dikunjungi oleh bekas guru sekolahnya ketika menghadiri Sabutan Hari Guru peringkat kebangsaan di PWTC

Pada tahun ini, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom telah dipilih sebagai Tokoh Kepimpinan Kebangsaan. Beliau menerima anugerah tersebut berdasarkan kewibawaan dan kepimpinan beliau selama 35 tahun dalam bidang pendidikan termasuk sebagai Ketua Pengarah Pelajaran dari 2007 hingga 2010.

Manakala bekas Pengetua Kolej Tunku Kurshiah, Tengku Azuan Tengku Mohamed dinobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan 2014. Tokoh guru ini juga pernah menjadi Pengetua di Sekolah Seri Puteri dan Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki.



Tokoh Kepemimpinan Pendidikan, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom (kanan) bersama Tokoh Guru Kebangsaan, Tengku Azuan Tengku Mohamed menunjukkan sijil penghargaan pada Majlis Pelancaran Hari Guru peringkat kebangsaan di PWTC

Wacana Intelpek Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025

Seperti tahun 2013, Sambutan Hari Guru Ke-42/2014, agenda memastikan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah mengisi sebahagian daripada aktiviti sambutan. Pada kali ini, Wacana Intelpek PPPM 2013-2025 yang telah membincangkan tentang pelaksanaan PPPM ke arah melahirkan guru yang kreatif dan inovatif. Hampir 500 peserta yang terdiri daripada para pendidik dan ibu bapa telah menghadiri Wacana Intelpek. Manakala ahli panel yang diundang ialah YBhg. Dato' Haji Sufa'at Bin Tumin, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan), YBhg. Dato' Hj. Khairil Bin Awang, Pengarah Institut Aminuddin Baki, YBrs. Tuan Sulaiman Bin Wak, Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia dan YBrs. Dr. Habibah Binti Abd. Rahim, Pengarah Eksekutif Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), manakala Dr. Hayati Ismail (PADU) bertindak sebagai moderator



“Guru perlu menjadi lebih kreatif dan inovatif bagi membolehkan mereka menangani masalah pembelajaran murid yang mempunyai keupayaan yang berbeza”

“Bagi menggalakkan inovasi dan kreativiti di kalangan guru. Pihak sekolah perlu mewujudkan satu pusat ‘*Innovation Centre of Excellent*’ di sekolah, pusat inovasi ini membolehkan guru-guru untuk mencipta kaedah yang kreatif dan inovatif bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di sekolah”

YBhg. Dato' Haji Sufa'at Bin Tumin
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan)



“Faktor terpenting dalam menentukan kejayaan sebuah sekolah ialah kepimpinan sekolah itu sendiri. Untuk melahirkan pemimpin sekolah yang berprestasi tinggi, seorang pemimpin perlu mempunyai ciri kepimpinan *Instructional* (pengajaran) dan *transformational* (transformasi). Setiap pemimpin sekolah perlu mempunyai kebolehan melihat dan menteloh apakah keperluan-keperluan baru (ciri kepimpinan) yang perlu dikuasai”.

YBhg. Dato' Hj. Khairil Bin Awang
Pengarah Institut Aminuddin Baki (IAB)



“Pada masa kini, pengambilan calon guru bukan sahaja dinilai pada pencapaian akademiknya. Malah calon guru perlu ditapis melalui berberapa ujian seperti Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), ujian psikometrik bagi mengukur daya mental setiap calon guru dan ujian kecergasan melalui *Body Mass Index* (BMI). Dari asas yang dinyatakan, kita akan memperoleh calon yang terbaik untuk menjadi guru dan mereka akan dilatih, justeru usaha untuk mentransformasikan IPGM menjadi peneraju kecemerlangan guru selaras dengan misi IPGM melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik memberi penekanan kepada pentingnya daya kreativiti dan inovasi”.

YBrs. Tuan Sulaiman Bin Wak
Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)



“Dengan keadaan lanskap pendidikan yang sering berubah dan tahap kualiti pendidikan semakin meningkat, peningkatan profesionalisme dan kualiti guru harus diutamakan bagi mencapai matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Untuk tujuan ini, Kementerian akan memantapkan latihan dan kursus dalam program pendidikan yang memberi penekanan terhadap penerapan unsur-unsur kreativiti dan inovasi dalam latihan perguruan.

YBrs. Dr. Habibah Binti Abd. Rahim
Pengarah Eksekutif Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)